

21/09/1998

Anwar diminta taubat nasuha

Norazmi Abdul Talib

MELAKA, Ahad - Datuk Seri Anwar Ibrahim dinasihatkan supaya bertaubat nasuha serta pergi ke Makkah bagi memohon hidayah daripada Allah sebagai cara terbaik dalam menangani masalah yang dihadapinya.

Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata tindakan Anwar yang terus `berperang', tidak memberi sebarang manfaat sebaliknya lebih memburukkan keadaan dirinya.

"Tidak usah bertegas kalau sudah buat kesalahan dari segi undang-undang manusia dan hukum Tuhan kerana orang terbabit sudah mengaku salah.

"Cara yang terbaik ialah Anwar taubat nasuha dan pergi ke Makkah mencari serta meminta hidayah daripada Tuhan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung Persatuan Kelab-Kelab Belia Malaysia (MAYC) Melaka di sini, hari ini.

Dalam Islam, taubat nasuha bermaksud taubat dengan tekad dan azam sebenar untuk tidak mengulangi kesalahan yang sama.

Imam Besar Masjid Negara, Taib Azamuddin Mohd, dalam ruangan Mimbar yang pernah disiarkan Metro Ahad, berkata seseorang yang bertaubat nasuha sewajarnya memelihara diri termasuk akhlak, tutur kata dan sebagainya daripada kemungkaran dan dosa.

Namun taubat nasuha tidak sewajarnya dikaitkan dengan menunaikan haji kerana mengerjakan ibadat haji adalah wajib atau tanggungjawab yang berasingan dan mengikut kemampuan masing-masing.

Taubat nasuha terbit daripada cetusan hati yang jujur, daripada satu keinginan yang datang dari dasar hati yang insaf serta bertekad untuk menghapuskan segala dosa.

Imam Ghazali pula berkata, taubat nasuha bermaksud meninggal atau berhenti daripada melakukan kesalahan, menyesal dengan kesalahan yang dilakukan dan tidak terlintas di hatinya untuk kembali melakukan perbuatan itu lagi.

Firman Allah dalam Surah Al-Tahrim Ayat 8 bermaksud: "Hai orang-orang yang beriman! Bertaubatlah kamu kepada Allah dengan melakukan taubat yang sebenar-benarnya. Mudah-mudahan Allah menghapuskan kesalahan kamu."

Mengulas pengakuan bekas pengarang jurnal, Dr Munawar Ahmad Anees dan adik angkatnya, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja, di Mahkamah Sesyen semalam, Syed Hamid, berkata Anwar langsung tidak menunjukkan perkara itu tidak betul, sebaliknya membuat tuduhan kononnya wujud Gestapo ala-Mahathir untuk menjatuhkannya.

"Perkara ini serius, tiada sebab orang hendak aniaya Anwar. Tiada sebab orang hendak bawa kehinaan kepada keluarganya.

"Hanya kita pentingkan hendak selamatkan negara supaya menjadi negara yang berteraskan kedudukan keagamaan dan ketuhanan yang kukuh serta kuat," katanya.

Syed Hamid juga berharap Anwar jangan terbawa-bawa dengan perasaan kerana tindakan yang diambil mengikut bukti dan keterangan yang disahkan melalui sistem keadilan dalam negara.

Katanya, Anwar sepatutnya menafikan di hadapan mahkamah apabila menghadapi tuduhan itu nanti.

"Fakta yang kita kata betul berlaku kini terbukti bukan dengan hujah kita tetapi orang yang terbabit sendiri menceritakan dan mengaku salah di mahkamah sehingga disabitkan kesalahan," katanya.

Menurutnya, tiada bukti mengikut sistem keadilan dan mahkamah yang lebih kukuh daripada pengakuan bersalah dalam tuduhan yang dikemukakan oleh

pihak pendakwaraya kepada dua orang yang terbabit.
(END)